

Model Analisis Aras Soalan Kognitif: Kajian Terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Menengah Atas

NOOR ROHANA MANSOR

ABSTRAK

Makalah menganalisis kompleksiti soalan dalam media pengajaran iaitu buku teks Bahasa Melayu. Rujukan adalah laporan rasmi dan data di lapangan. Didapati sistem pendidikan Malaysia masih gagal menyediakan minda pelajar ke arah kepelbagaian tahap berfikir, malah pemikiran pelajar masih terhad pada skop pertanyaan yang stereotaip. Input binaan soalan dalam bahan kurikulum di negara ini memerlukan peningkatan ke arah kandungan kompleksiti soalan yang lebih mencabar minda pelajar serta menjamin kualiti input kurikulum ke tahap yang membanggakan.

Kata Kunci: Soalan kognitif, Tahap Literal, Tahap Inferensi, Tahap Penilaian dan Tahap Penghayatan

ABSTRACT

This paper analysis the question complexities in teaching media, namely, the *Bahasa Melayu* text book. Reference are those official reports and field data. It is found that Malaysian education system fail to configure students mind toward multi-dimensional levels of thinking, worse still the students' mind being bound in the stereotype questions. The question construction input in curriculum material in this country need to improved toward the establishment of more challenging question complexity content among the students mind as well as to ensure curriculum input at the more prestigious level.

Key Words: Cognitive Complexity Level, Literal Level, Inference Level, Evaluation Level and Cognitive Level

Pengenalan

Salah satu isu penting yang kurang diberi perhatian dalam penyelidikan tentang proses pembelajaran ialah menguasai bentuk soalan pada aras

kognitif tinggi. Dalam laporannya tentang prestasi pembelajaran bahasa Melayu di peringkat Tingkatan 4 dan 5, Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menyatakan beberapa tahun kebelakangan ini para pelajar masih lemah untuk memahami soalan dan kehendak tugas soalan dan ini sekali gus membuat mereka gagal mengemukakan jawapan mengikut kehendak soalan sepenuhnya. Kelemahan-kelemahan ketara yang dihadapi pelajar dalam peperiksaan bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah pada soalan penulisan, soalan rumusan dan soalan kefahaman. Laporan tersebut menyatakan dalam soalan penulisan, para pelajar lebih cenderung menjawab soalan nombor 1 dan 2 yang merupakan soalan mudah berbanding dengan soalan nombor 4 dan 5, iaitu soalan fakta dan pentakrifan. Dalam soalan rumusan, para pelajar umumnya gagal merumuskan petikan dengan memuaskan. Kelemahan yang ketara ialah pelajar tidak membuat pendahuluan dan penutup. Mereka juga gagal menyatakan isi-isi tersurat dan tersirat dengan contoh yang tepat. Antara kelemahan ketara dalam soalan kefahaman ialah pelajar gagal memahami kehendak tugas soalan, tidak memahami pertanyaan ‘siapa,’ ‘mengapa,’ ‘apakah bukti-bukti...,’ ‘katakanlah anda... apakah tindakan yang perlu anda ambil...’ Lantaran itu, kebanyakan pelajar gagal memberikan isi-isi mengikut keperluan pertanyaan soalan dan penyoalan.

Laporan ini dapat dijadikan fakta bagi menunjukkan pembinaan minda pelajar dalam menghadapi kompleksiti soalan yang pelbagai aras kognitif masih lemah. Senario ini selari dengan laporan yang dibuat oleh Wan Zahid Mohd Noordin (1997). Laporan ini menyatakan para pelajar lebih cenderung memilih soalan pada aras rendah kerana dianggap lebih selamat berbanding soalan berbentuk fakta, analisis, komen serta penghuraian logik yang memerlukan pemikiran kritis dan analitis. Laporan ini juga menyatakan para pelajar masih belum mempunyai kerangka konseptual yang jelas dalam menghasilkan jawapan secara kritis. Jawapan yang diberikan gagal dikembangkan dengan baik. Ini sekali gus menyebabkan penjelasan tentang isi secara tersurat dan tersirat menjadi lemah. Para pelajar juga masih gagal memahami tugas soalan serta kehendak frasa penyoalan yang menjadi tunjang bagi setiap pertanyaan. Ini seterusnya mengakibatkan kandungan isi jawapan yang dikemukakan jauh daripada fokus pertanyaan, meleret-leret dan tidak tepat.

Beberapa orang pengkaji seperti Gusza (1967), Noor Rohana Mansor (1996) dan Rawadieh (1998) yang telah membuat penelitian tentang aspek aras kognitif soalan yang diaplikasi dalam proses pembelajaran di bilik darjah dan dalam bahan kurikulum terutamanya buku teks dan buku kerja merumuskan bahawa penggunaan soalan pada

aras rendah yang memerlukan ingatan pelajar menjadi pilihan pelajar berbanding dengan soalan pada aras tinggi. Lantaran itu, para pelajar tidak mendapat pendedahan dan rangsangan kognitif yang sewajarnya sebagai persediaan untuk menghadapi situasi peperiksaan. Keadaan ini telah menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam menjawab soalan dengan mantap dan berkesan seperti mana dilaporkan oleh Lembaga Peperiksaan (berbilang tahun).

Kepentingan Kompleksiti Aras Kognitif Soalan

Kepentingan kompleksiti aras kognitif soalan telah diberi perhatian oleh beberapa pengkaji. Misalnya, menurut Wilson (1973), aras kognitif soalan memberi kesan ke atas tindak balas pelajar. Ini kerana kepelbagaian kognitif dalam jawapan pelajar sebahagian besarnya ditentukan oleh kepelbagaian kompleksiti soalan yang diberi. Cole dan Williams (1973), Smith (1978) dan Dillon (1981) menyatakan secara umumnya soalan pada aras mengecam dan mengingat yang mempunyai tahap kesukaran rendah mendapat jawapan pendek berbanding dengan soalan pada aras tinggi yang memerlukan pelajar memberikan pendapat dan inferensi.

Rumusan yang sama dibuat oleh Ruddel (1974). Beliau meneliti pertalian antara proses kognitif dengan kepelbagaian kompleksiti aras soalan dan merumuskan bahawa soalan pada aras kognitif tinggi seperti inferens dan aplikasi merangsang proses kognitif yang lebih tinggi berbanding dengan soalan pengalaman dan ingatan pada aras rendah. Oleh itu, soalan pada aras rendah hanya memerlukan ingatan dan pengalaman pelajar sebagai jawapan. Sebaliknya, soalan pada aras kognitif tinggi melibatkan pengubahsuaian teks melalui analisis, sintesis, mencari sebab-akibat dan seterusnya mengaplikasi kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Selaras dengan ini juga, kajian-kajian berkaitan kompleksiti soalan yang pelbagai aras kognitif dalam bahan-bahan pengajaran, buku teks dan buku tambahan membuktikan dapatan yang sama iaitu kebanyakannya menggunakan soalan pada aras rendah. Rawadieh (1998), Noor Rohana Mansor (1996), Marohaini Yusoff (1989), Roger (1973) dan De La Cruz (1971) masing-masing membuktikan aras kognitif soalan yang terkandung dalam bahan kurikulum rata-rata memberi tumpuan pada aras rendah terutamanya aras pengetahuan dan pemahaman manakala soalan pada aras kognitif tinggi diabaikan.

Kajian-kajian di atas dapat memberi senario umum untuk menilai sejauh manakah perkembangan terkini khususnya dalam aspek soalan

dan penyoalan telah berjaya menangani permasalahan yang ada. Sehubungan itu, makalah ini memberi fokus terhadap aspek kompleksiti soalan yang pelbagai aras kognitif dalam bahan kurikulum asas pembelajaran bahasa Melayu. Permasalahan ini wajar diberi tumpuan kerana ia memberi kesan ke atas perkembangan kognitif pelajar. Permasalahan ketara lagi dalam pembelajaran bahasa kerana ia memberi impak kepada proses pemeraksanaan pembelajaran mata pelajaran ini.

Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan

Seperti telah dinyatakan, kod Analisis Aras Kognitif Soalan adalah instrumen kajian yang mengandungi senarai kategori-kategori kompleksiti soalan mengikut klasifikasi hierarki pemikiran. Rajah 1 menunjukkan struktur binaan model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan. Pada dasarnya, model ini mengandungi komponen-komponen kategori serta pecahan sub-subkomponen secara spesifik untuk binaan soalan yang disusun mengikut perkembangan logik berasaskan perkembangan kepelbagaian aras kognitif, dari aras rendah kepada aras tinggi yang mencabar. Komponen utama adalah Soalan Tahap Literal, Soalan Tahap Inferensi, Soalan Tahap Penilaian dan Soalan Tahap Penghayatan. Di bawah setiap komponen utama itu terdapat subpecahan dan sub-subpecahan iaitu komponennya yang lebih khusus berhubung aspek soalan dan penyoalan. Organisasi kod distratifikasikan secara berurutan berdasarkan perkembangan dan berkesinambungan aras klasifikasi pemikiran dalam soalan yang dibina iaitu: dari aras pemikiran kognitif rendah dan mudah kepada aras kognitif tinggi yang mencabar pemikiran dan meningkat kesukarannya.

Asas pembinaan aras kognitif soalan model ini adalah Taksonomi Pembelajaran Kognitif Bloom (Bloom, 1956). Aspek domain kognitif menghuraikan konsepsi teori dengan tindakan operasi kognitif berdasarkan kepada tiga pengisian input iaitu aspek klasifikasi variabel kognitif, aspek input kriteria kemahiran dan aspek hasil pemerolehan pengetahuan secara khusus.

Domain kognitif pada asasnya merujuk pengklasifikasian variabel kognitif iaitu pengelasan tahap-tahap pemikiran secara hierarki dan kumulatif mengikut perkembangan kognitif. Enam tahap pemikiran telah dikenal pasti iaitu tahap pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian mendasari pengklasifikasian tersebut mengikut perkembangan kompleksiti secara susunan teratur, berurutan dan berkesinambungan daripada aras rendah kepada yang lebih mencabar. Pengelasan ini mengikut Bloom (1956) berasaskan perkembangan tahap pemikiran secara logik dan rasional.

Bagi setiap tahap pemikiran, mengandungi indikator kemahiran secara khusus dengan ciri-ciri kebolehan dan penguasaan kemahiran berfikir pada kepelbagaian tahap yang disasarkan untuk penguasaan pelajar. Matlamatnya, untuk mencapai hasil pemerolehan pengetahuan dan perubahan tingkah laku berfikir dengan penguasaan ilmu dan keupayaan berfikir yang mantap dan berkesan pada kepelbagaian tahap pemikiran. Sasaran ini kebenarannya dicapai menerusi pembentukan soalan dan penyoalan yang khusus untuk setiap aras kognitif.


Oleh sebab itulah domain kognitif taksonomi ini telah menjadi sumber pegangan dalam perkembangan pengujian dan penilaian untuk membina soalan yang berkualiti. Ini kerana operasi kognitif daripada domain ini dijadikan landasan kukuh dalam menggerakkan kebolehan dan kemahiran untuk merangsang pemikiran pelajar ke aras situasi berfikir. Malah kekuatan input taksonomi ini juga telah diakui sebagai idea asas kriteria pembentukan soalan untuk merangsang daya keupayaan berfikir pelajar dan mengenal pasti tahap kebolehan pemikiran mereka menerusi kepelbagaian tahap pemikiran yang disasarkan mengikut perkembangan kompleksiti secara teratur dan berkesinambungan.

Kewajaran untuk menggunakan taksonomi pembelajaran kognitif Bloom sebagai asas teoritikal kajian adalah didasarkan kepada kandungan input daripada taksonomi tersebut tepat sekali mendasari tugas kerangka kajian untuk meneliti penggunaan kepelbagaian kompleksiti aras kognitif dalam binaan soalan kefahaman bagi petikan teks pemahaman menerusi bahan-bahan kurikulum pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Rajah 1 menunjukkan struktur binaan model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan. Model ini dibina daripada beberapa komponen utama iaitu Soalan Tahap Literal, Soalan Tahap Inferensi, Soalan Tahap Penilaian dan Soalan Tahap Penghayatan. Di bawah setiap komponen utama itu terdapat sub-subpecahan iaitu komponennya yang lebih khusus berhubung aspek soalan dan penyoalan. Organisasi kod distratifikasikan secara berurutan berdasarkan perkembangan dan berkesinambungan aras klasifikasi pemikiran dalam soalan yang dibina iaitu: dari aras pemikiran kognitif rendah dan mudah kepada aras kognitif tinggi yang mencabar pemikiran dan meningkat kesukarannya.

Model Kod Analisis Aras Kognitif Soalan ini dapat diprincikan dengan Jadual 1. Pada asasnya Kompleksiti Soalan dalam jadual ini merujuk pembahagian pelbagai aras kognitif soalan iaitu dari aras rendah kepada aras tinggi mengikut kategori kesukaran soalan kefahaman. Kategori Utama adalah merujuk pembahagian empat kategori utama soalan iaitu Soalan Tahap Literal, Soalan Tahap Inferensi, Soalan Tahap Penilaian dan Soalan Tahap Penghayatan Subkategori adalah merujuk

pembahagian tujuh jenis soalan di bawah kategori utama iaitu Soalan Mengecam Mengingat, Soalan Interpretasi, Soalan Analisis, Soalan Aplikasi, Soalan Sintesis, Soalan Penilaian dan Soalan Penghayatan. Sub-Subkategori merujuk pecahan aspek-aspek penyoalan yang lebih kecil, khusus dan jelas di bawah setiap subkategori soalan. Setiap aspek penyoalan mengandungi beberapa frasa penyoalan yang lebih spesifik untuk mengklasifikasikan hierarki pemikiran soalan.



RAJAH 1. Pelbagai Aras Kognitif

Jadual Kod Analisis Aras Kognitif Soalan ini dapat menjadi garis panduan untuk membina soalan kefahaman yang pelbagai tahap atau aras kognitif menerusi aplikasi input daripada model berkenaan. Contohnya yang dikemukakan boleh diimplimentasikan merentas bidang mata pelajaran dengan penyesuaian dan kreativiti pembina soalan.

JADUAL 1. Kod Analisis Aras Kognitif Soalan

Kategori ras	Kategori Utama	Subkategori	Sub-Subkate gori
I.	Soalan Tahap Literal <i>Kriteria soalan:</i> Soalan dengan sumber jawapan yang jelas diperoleh daripada teks.	Soalan Mengecam-Mengingat <i>Fokus soalan:</i> Mengumpul maklumat	Tugasan soalan: Mengecam-Mengingat: <ul style="list-style-type: none"> • definisi • fakta khusus • peraturan khusus • aliran dan urutan peristiwa • pengelasan dan kategori • kriteria • kaedah • prinsip/generalisasi • teori/struktur • hubungan sebab-akibat/kesan • tabiat/perlakuan watak
		Soalan <i>Interpretasi</i> <i>Fokus soalan:</i> Mentafsir maklumat	Tugasan soalan: Menjelaskan: <ul style="list-style-type: none"> • frasa/rangkai kata • watak • petikan grafik • konteks petikan • petikan teks kepada bentuk komunikasi lain
		Soalan Aplikasi <i>Fokus soalan:</i> Menggunakan maklumat	Tugasan soalan: Menggunakan idea daripada teks untuk: <ul style="list-style-type: none"> • menjelaskan sesuatu perkara • membuat perbandingan • menjelaskan contoh, bukti, sebab dan alasan terhadap sesuatu kenyataan • menyelesaikan masalah
II.	Soalan Tahap Inferensi <i>Kriteria soalan:</i> Soalan dengan sumber jawapan secara tidak langsung daripada teks. Melibatkan tindakan untuk berfikir dan mencari maklumat melampaui kandungan teks.	Soalan Analisis <i>Fokus soalan:</i> Mencerakinkan maklumat	Tugasan soalan: Menganalisis bahan teks untuk: <ul style="list-style-type: none"> • menjelaskan maklumat tertentu • menjelaskan peristiwa • menjelaskan hubungan sebab, akibat dan kesan • melihat perbandingan • menyatakan contoh, alasan dan bukti-bukti • merumuskan pendirian dan pendapat pengarang • menjelaskan perkara yang mungkin berlaku

Kategori / Aras	Kategori Utama	Subkategori	Sub-Subkategori
II.		Soalan Sintesis <i>Fokus soalan:</i> Menggabungkan maklumat	Tugasan soalan: Menggabungkan idea daripada teks untuk: <ul style="list-style-type: none"> • memberi pandangan dan pendapat bagi menyelesaikan masalah • menghasilkan rumusan dan kesimpulan • memberikan contoh, bukti, sebab dan alasan • menghasilkan ramalan, andaian dan jangkaan • menghasilkan karya kreatif
III.	Soalan Tahap Penilaian <i>Kriteria soalan:</i> Soalan dengan maklumat jawapan di luar kandungan teks. Melibatkan tindakan untuk berfikir, menilai dan memberi pandangan serta alasan yang wajar berhubung isu yang dibangkitkan	Soalan Penilaian <i>Fokus soalan:</i> Menilai maklumat	Tugasan soalan: Menilai, mengulas dan memberi pandangan: <ul style="list-style-type: none"> • terhadap fakta dan idea daripada isi-isi dalam teks • terhadap pendapat berhubung sesuatu isu daripada teks
IV.	Soalan Tahap Penghayatan <i>Kriteria soalan:</i> Soalan dengan maklumat jawapan di luar kandungan teks. Melibatkan tindakan untuk menghayati teks, memberi reaksi, menyatakan pandangan serta alasan yang wajar berhubung isu daripada teks.	Soalan Penghayatan <i>Fokus soalan:</i> Menghayati teks	Tugasan soalan: Menghayati bahan teks serta: <ul style="list-style-type: none"> • memberi reaksi dari sudut watak dan perwatakan • memberi reaksi terhadap sesuatu peristiwa • menilai dan mengulas fakta, idea dan nilai-nilai murni • menilai dan mengulas teknik-teknik kesusasteraan

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan sampel daripada dua buah buku teks Bahasa Melayu iaitu tingkatan 4 dan 5 yang digunakan di sekolah-sekolah. Buku-buku ini perakuan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai asas pembelajaran bahasa Melayu dalam sistem persekolahan Malaysia. Tumpuan kajian adalah terhadap soalan kefahaman dalam petikan teks pemahaman. Petikan-petikan tersebut adalah terdiri daripada teks umum, moden, klasik dan puisi.

Pengumpulan dan Analisis Data

Pengumpulan dan analisis data melibatkan tiga prosedur iaitu Semakan dan Penandaan, Transformasi Data dan Analisis Data. Langkah awal, data dikumpul melalui penelitian ke atas soalan kefahaman yang disediakan dalam latihan pemahaman bagi setiap petikan teks. Teks tersebut dibaca terdahulu sebelum meneliti soalan untuk semakan dan penandaan bagi menentukan status kategori soalan tersebut dengan menggunakan instrumen kajian sebagai senarai semak.

Seterusnya, data yang telah disemak dan ditandakan, dipindahkan ke kolom kekerapan dalam instrumen kajian untuk tujuan keselarasan pengiraan. Pengiraan ini melibatkan penjumlahan kekerapan dan peratusan kategori-kategori untuk diproses dan dianalisis seterusnya dengan menggunakan program SPSS bagi memenuhi keperluan untuk menjawab soalan kajian. Sebagai pengukuhan data, analisis data anekdot iaitu huraian secara naratif berdasarkan ulasan, komen serta cadangan pengkaji juga dimasukkan.

Dapatan Kajian

Kajian telah menghasilkan dapatan setelah penganalisan dilaksanakan meliputi sebanyak 46 latihan pemahaman dengan sejumlah 311 soalan kefahaman. Daripada jumlah tersebut sebanyak 20 latihan pemahaman dengan 128 soalan kefahaman terkandung dalam buku teks tingkatan 4. Perinciannya adalah seperti berikut: Teks umum meliputi 15 jumlah petikan dengan sejumlah 95 soalan kefahaman. Teks moden meliputi 4 petikan teks pemahaman dengan 27 jumlah soalan kefahaman. Teks klasik hanya 1 petikan teks dikemukakan dengan 6 jumlah soalan kefahaman. Petikan teks puisi untuk tujuan pemahaman tiada pendedahan diberikan.

Bagi buku teks tingkatan 5, sebanyak 26 jumlah petikan teks pemahaman dengan 183 jumlah soalan kefahaman dikemukakan. Perinciannya seperti berikut: teks umum meliputi 19 jumlah petikan teks dengan 151 soalan kefahaman; teks moden hanya 1 petikan dikemukakan dengan 8 jumlah soalan kefahaman; teks klasik meliputi 5 petikan dengan sejumlah 20 soalan kefahaman; manakala teks puisi, hanya 1 petikan dikemukakan dengan 4 soalan kefahaman.

Pada keseluruhannya, dapatan kajian telah membuktikan soalan kefahaman bagi keseluruhan petikan teks pemahaman telah menunjukkan penggunaan kepelbagaian kompleksiti soalan dalam konteks kategori utama, subkategori dan sub-subkategori soalan. Namun, bagi penelitian

terperinci ke atas setiap jenis petikan teks pemahaman didapati soalan yang dibina masih terhad kepelbagaian kompleksitinya untuk setiap kategori yang diteliti. Ini bermakna untuk setiap kategori utama, subkategori dan sub-subkategori, soalan yang dibina meliputi hanya beberapa tahap, jenis-jenis soalan serta aspek penyoalan dan frasa penyoalan tertentu sahaja digunakan. Tidak semua diaplikasikan dalam binaan soalan kefahaman yang disediakan. Dapatannya adalah seperti berikut:

a. Kategori utama soalan:

- Petikan teks umum memberi tumpuan utama binaan soalan kepada Soalan Tahap Inferensi (37.8%) diikuti oleh Soalan Tahap Literal (32.5%), Soalan Tahap Penilaian (28.8%) dan terendah, Soalan Tahap Penghayatan (0.8%) yang hanya digunakan dalam teks tingkatan 4 sahaja.
- Petikan teks moden memberi keutamaan tumpuan kepada Soalan Tahap Penilaian (42.8%), Soalan Tahap Inferensi (40.0%), Soalan Tahap Literal (11.4%) dan terendah Soalan Tahap Penghayatan (5.7%).
- Petikan teks klasik, mengutamakan binaan soalan dalam kategori utama Soalan Tahap Inferensi (61.5%), Soalan Tahap Penghayatan (19.2%), Soalan Tahap Literal (11.5%) dan terendah Soalan Tahap Penilaian (7.6%).
- Bagi petikan teks puisi, hanya menggunakan dua kategori utama sahaja iaitu Soalan Tahap Inferensi (75.0%) dan Soalan Tahap Penghayatan (25.0%).

b. Subkategori soalan:

- Soalan Mengecam Mengingat didapati penggunaannya dalam tiga petikan teks iaitu teks umum (32.5%), moden (11.4%) dan klasik (11.5%) manakala teks puisi didapati tidak menggunakan subkategori ini.
- Soalan Interpretasi telah digunakan dalam keempat-empat jenis petikan teks pada kadar yang berbeza-beza. Soalan Aplikasi telah mendapat perhatian bagi petikan teks umum (5.6%) dan klasik (7.6%) sahaja. Tiada penggunaan dalam petikan teks moden dan puisi.
- Soalan Analisis mendapat perhatian dalam teks umum (18.6%), moden (25.7%), klasik (19.2%) dan puisi (50.0%).
- Soalan Sintesis digunakan dalam teks umum (7.7%), moden (5.7%) dan klasik (3.8%). Tiada penggunaan dalam teks puisi.

- Soalan Penilaian digunakan dalam tiga petikan teks sahaja iaitu tek umum (32.9%), moden (42.8%) dan klasik (7.6%). Petikan teks puisi tiada binaan soalan menggunakan subkategori ini.
 - Terakhir, Soalan Penghayatan digunakan pada kadar rendah dalam kesemua petikan teks tersebut iaitu teks umum (0.8%), moden (5.7%), klasik (19.2%) dan puisi (25%).
- c. Sub-Subkategori soalan:
- Dapatan kajian menunjukkan hanya beberapa aspek penyoalan telah digunakan bagi setiap petikan teks pemahaman sebagai skop pertanyaan untuk mengemukakan soalan. Begitu juga bagi penggunaan frasa-frasa penyoalan, berlaku tumpuan dan pengulangan frasa-frasa yang sama untuk memulakan pertanyaan.
 - Di bawah sub-subkategori soalan mengecam mengingat, aspek penyoalan yang menjadi tumpuan binaan soalan adalah ‘Mengecam dan mengingat hubungan sebab/akibat/kesan’ bagi petikan teks umum, moden dan klasik; ‘Mengecam dan mengingat fakta khusus’ dalam petikan teks umum sahaja; ‘Mengecam dan mengingat tabiat dan perlakuan watak’ bagi petikan teks moden dan klasik; ‘Mengecam dan mengingat aliran dan urutan’ hanya menjadi tumpuan dalam petikan teks klasik. Frasa-frasa penyoalan yang menjadi tumpuan pertanyaan adalah ‘Apakah’, ‘Mengapakah’ dan ‘Bagaimanakah’.
 - Sub-Subkategori soalan Interpretasi meperlihatkan aspek penyoalan ‘Menjelaskan frasa/rangkai kata’ menjadi tumpuan pertanyaan dalam teks umum dan moden manakala ‘Menjelaskan watak’ digunakan dalam kesemua teks berkenaan. Frasa penyoalan ‘Apakah’, ‘Siapakah’, ‘Gambarkan’ dan ‘Bagaimanakah’ dIdapati menjadi tumpuan penggunaan.
 - Sub-Subkategori soalan aplikasi menunjukkan aspek penyoalan ‘Mengggunakan idea daripada teks untuk menjelaskan sesuatu perkara’ dan ‘Mengggunakan idea daripada teks untuk menjelaskan contoh/bukti/sebab/alasan terhadap sesuatu kenyataan’ menjadi tumpuan pertanyaan dalam teks umum dan klasik.
 - Tiada penggunaan soalan di bawah sub-subkategori soalan aplikasi dalam teks moden dan puisi. Frasa penyoalan tumpuan

di bawah sub-subkategori ini adalah ‘Apakah’ dan ‘Bagaimanakah’.

- Tumpuan aspek penyoalan di bawah sub-subkategori soalan analisis adalah di bawah aspek ‘Menganalisis bahan teks untuk menjelaskan hubungan sebab/akibat/kesan’ yang digunakan dalam kesemua jenis teks; ‘Menganalisis bahan teks untuk menjelaskan maklumat tertentu’ dalam teks umum dan klasik; serta ‘Menganalisis bahan teks untuk menyatakan contoh/alasan/bukti’ digunakan dalam teks umum, klasik dan puisi. Frasa pertanyaan utama adalah ‘Apakah’, ‘Mengapakah’, ‘Bagaimanakah’, ‘Rumuskan’ dan ‘Berikan’.
- Sub-Subkategori soalan sintesis didapati mendapat perhatian dalam petikan teks umum, moden dan klasik. Tiada soalan dibina menggunakan sub-subkategori ini dalam petikan teks puisi. Aspek penyoalan yang menjadi tumpuan adalah ‘Menggabungkan idea daripada teks untuk menghasilkan rumusan dan kesimpulan’, ‘Menggabungkan idea daripada teks untuk menghasilkan ramalan/andaian/jangkaan’ dan ‘Menggabungkan idea daripada teks untuk memberi cadangan dan pendapat bagi menyelesaikan masalah’. Frasa penyoalan ‘Rumuskan’ menjadi tumpuan penggunaan di samping frasa ‘Apakah’, ‘Bagaimanakah’ dan ‘Berikan’.
- Bagi sub-subkategori soalan penilaian aspek penyoalan ‘Menilai, mengulas, dan memberi pandangan berhubung sesuatu isu daripada teks’ merupakan skop pertanyaan paling popular bagi petikan teks umum, moden dan klasik. Tiada soalan dalam teks puisi menggunakan sub-subkategori ini. Frasa penyoalan tumpuan adalah ‘Pada pendapat anda’, ‘Berikan komen/ulasan/alasan/hujah anda’ dan ‘Bincangkan pendapat anda’.
- Terakhir, sub-subkategori soalan penghayatan didapati masih rendah penggunaannya dalam keempat-empat jenis petikan teks pemahaman. Aspek penyoalan tumpuan adalah ‘Menghayati bahan teks serta memberi reaksi dari sudut watak dan perwatakan’ dalam teks moden dan klasik; ‘Menghayati bahan teks serta memberi reaksi terhadap sesuatu peristiwa’ dalam teks umum; dan ‘Menghayati, menilai dan mengulas fakta, idea dan nilai-nilai murni dalam bahan teks’ menjadi tumpuan pertanyaan dalam teks puisi. Frasa penyoalan ‘Pada pendapat anda’, ‘Mengapakah anda’, ‘Jika anda’, ‘Sekiranya anda’ dan ‘Bincangkan’ menjadi frasa utama digunakan untuk mengemukakan pertanyaan.

Perbincangan

Harus diulangi bahawa secara keseluruhannya kajian ini adalah mengenai penggunaan Soalan Kepelbagaian Kompleksiti dalam buku teks dengan memberi perhatian terhadap pelbagai jenis petikan teks pemahaman. Fenomena utama yang dikenal pasti ialah wujud ketidakseimbangan peratus penggunaan kategori soalan. Ini kerana tidak ada indikator agihan soalan yang khusus untuk diikuti sebagai garis panduan dalam binaan soalan kefahaman. Akibatnya tiga senario berikut didapati wujud.

Pertama, bias penggunaan kategori soalan iaitu kesan daripada ketiadaan indikator agihan soalan untuk menetapkan kadar penggunaan setiap kategori soalan dalam binaan soalan kefahaman. Ini membawa kepada keadaan di mana setiap kategori soalan menerima jumlah peratus penggunaan yang berbeza-beza dengan tidak ada had kadar ketetapan dan membawa kepada longgokan soalan dalam sesuatu kategori soalan sama ada bagi kategori utama, subkategori mahupun sub-subkategori soalan. Keadaan ini membawa kepada corak binaan soalan kefahaman dengan kompleksiti soalan yang terhad dan keutamaan tumpuan yang meliputi hanya beberapa tahap soalan bagi penggunaan kategori utama; penggunaan beberapa jenis subkategori soalan; dan tumpuan kepada beberapa aspek penysoalan dan frasa penysoalan sahaja bagi sub-subkategori soalan. Ini menyebabkan ada kategori-kategori tersebut yang mendapat tumpuan utama dan ada yang hanya diberi pendedahan pada kadar minima serta tidak diberikan pendedahan langsung. Implikasinya, bias penggunaan kategori ini memperlihatkan kelemahan dalam urusan penggunaan taksonomi soalan khususnya bagi petikan teks pemahaman sehingga mewujudkan jurang perbezaan peratus yang begitu ketara di antara kategori-kategori soalan tersebut. Kesannya pelajar-pelajar tidak mendapat pendedahan yang wajar berhubung kepelbagaian kompleksiti soalan tetapi operasi pemikiran mereka hanya disogok dan diasuh kepada jenis-jenis soalan yang mendapat tumpuan utama dalam petikan teks yang diberi. Ini menyebabkan manipulasi pemikiran mereka terhad hanya kepada soalan yang diberi tumpuan sahaja di mana Sekiranya pendedahan yang diberikan tertumpu pada tahap kompleksiti soalan yang rendah, akan membentuk pemikiran pelajar pada konteks pemikiran yang tidak mencabar dan tidak kritikal. Sekiranya ini berterusan mak sukar bagi kita untuk memenuhi kehendak pembangunan intelek pelajar secara menyeluruh dan bersepadu dengan cakupan konteks kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis seperti sasaran kurikulum pendidikan. Keadaan ini juga akan menjejaskan kualiti input bahan kurikulum tersebut kerana

gagal menyediakan pelajar dengan bahan yang merangsang pemikiran kepada kepelbagaian kompleksiti soalan.

Kedua, unsur-unsur stereotaip pertanyaan iaitu pengulangan format pertanyaan yang sama bagi penggunaan jenis-jenis soalan, aspek-aspek penyoalan serta frasa-frasa penyoalan bagi setiap latihan merentasi setiap jenis petikan teks pemahaman. Stereotaip pertanyaan memberi implikasi kepada penggunaan skop penyoalan dan frasa pertanyaan yang terhad dalam mengemukakan soalan. Pengulangan ini menjelaskan keadaan tiada kepelbagaian dalam pertanyaan bagi setiap latihan yang diberi. Keadaan ini memberi kesan negatif kepada pengalaman pembelajaran pelajar juga kepada corak pemikiran mereka yang terhad kepada skop yang sama dan tidak meluas. Pendedahan pelbagai bentuk soalan wajar diberikan kepada pelajar bagi membolehkan landasan pemikiran yang kukuh dibentuk untuk menggerakkan strategi pemikiran secara berkesan dalam menangani dan menjawab pelbagai bentuk pertanyaan.

Ketiga, trend penggunaan kategori soalan mengikut jenis petikan teks pemahaman iaitu hanya kategori soalan tertentu sahaja digunakan dalam binaan soalan kefahaman mengikut kesesuaian dengan latar petikan teks pemahaman. Dalam hal ini petikan teks umum yang berlatarkan karya rencana ilmiah didapati tertumpu binaan soalnya dalam kategori soalan tahap literal, inferensi dan penilaian, manakala kategori soalan tahap penghayatan tidak digunakan langsung. Rasionalnya di atas ketidaksesuaian binaan soalan penghayatan bagi teks tersebut. Sebaliknya bagi petikan teks moden, klasik dan puisi dengan latar karya sastera daripada cerpen, drama, prosa klasik, puisi tradisional dan sajak dengan keutamaan kepada unsur penghayatan teks, kepelbagaian penggunaan kategori utama, subkategori dan sub-subkategori soalan lebih meluas diaplikasikan. Cuma unsur-unsur tumpuan dan keutamaan kepada kategori-kategori tertentu masih ketara wujud. Implikasinya tahap binaan soalan kefahaman bahasa masih terhad dan gagal distruktur serta digunakan dengan berkesan disebabkan kekangan-kekangan yang menyekat kepelbagaian penggunaannya. Penggunaan kepelbagaian kategori dan kompleksiti soalan bagi setiap jenis petikan teks pemahaman memberi pendedahan terbaik kepada pemikiran pelajar. Tegasnya pengetahuan, amalan dan kreativiti pihak pembina soalan diperlukan untuk mengagihkan binaan soalan kepada kepelbagaian kategori tanpa melabelkannya mengikut jenis petikan teks. Kesesuaian kategori dengan jenis petikan teks pemahaman memang perlu diambil kira tetapi kreativiti dalam mempelbagaikan binaan soalan kefahaman kepada pelbagai kategori dapat mengatasi corak binaan soalan yang wujud dengan trend dan dapat memastikan soalan kefahaman bahasa lebih mencabar kompleksitinya.

Cadangan Meningkatkan Kemantapan Binaan Soalan Bahasa

Hasil daripada dapatan kajian ini menyarankan beberapa cadangan untuk diberi penegasan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam merealisasikan penggunaan kepelbagaian kompleksiti soalan dalam media pengajaran buku teks ke arah kemantapan pembentukan keupayaan berfikir pelajar dan input bahan kurikulum Bahasa Melayu khususnya.

1. Binaan soalan kefahaman dalam kurikulum pendidikan bahasa wajar diasaskan kepada garis panduan yang dapat mengatasi fenomena yang wujud hasil daripada kajian. Justeru penggunaan senarai semak yang dihasilkan sebagai instrumen kajian akan direalisasikan sebagai modul untuk dijadikan garis panduan binaan soalan kefahaman bahasa. Tindakan ini dapat dijadikan indikator semakan dalam membina soalan untuk setiap kategori soalan dan dapat mengelak daripada bias kategori, stereotaip pertanyaan dan trend soalan bagi jenis petikan teks tertentu.
2. Tindakan kawalan mutu ke atas binaan soalan dalam media pengajaran buku teks juga bahan-bahan kurikulum yang lain wajar digiatkan dengan tegas. Pembentukan panel editan dari kalangan profesional akademik sama ada di peringkat kementerian, jabatan mahupun sekolah menerusi pihak-pihak antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Buku Teks, Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pendidikan, Ketua Bidang Bahasa, Panitia, Guru-guru juga kalangan penulis dan penerbit dapat bersatu tenaga bagi menjamin penghasilan input bahan yang terbaik dan berkesan kepada proses pembelajaran.
3. Kursus, bengkel, seminar dan pelbagai bentuk wacana ilmu berkaitan dengan input pembelajaran wajar diteruskan dan digalakkan serta diperluaskan penyertaannya di kalangan peserta dalam bidang pendidikan juga yang berkaitan dengannya. Input ini dapat menjana peningkatan dan pengukuhan ilmu serta mengelak ketidakfahaman dalam bidang yang berkaitan. Pihak Kementerian Pendidikan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pendidikan juga institusi pendidikan wajar memainkan peranannya di sini.
4. Pihak penulis dan penerbit serta mana-mana pihak yang berkaitan secara langsung mahupun tidak langsung dalam bidang pendidikan wajar melengkapi pengetahuan ilmu terhadap bidang penulisan yang berkaitan. Input yang dihasilkan dan diterbitkan seharusnya

- mencapai sasaran kualiti terbaik dan tidak mementingkan komersil semata-mata.
5. Capaian maklumat menerusi ruang dalam kemajuan teknologi maklumat perlu dimanfaatkan dengan menghebahkan hasil kajian juga maklumat-maklumat yang berkaitan menerusi pangkalan data khusus. Kemudahan ini perlu dimanfaatkan oleh institusi-institusi seperti Perpustakaan Negara, Institusi Pendidikan Tinggi dan seumpamanya untuk menghasilkan serta menyiarkan laman web dengan capaian hasil penyelidikan sebagai bahan rujukan secara terbuka kepada masyarakat. Manfaatnya, pemerolehan ilmu dihujung jari dapat membantu peningkatan ilmu serta pemantapan pengetahuan dalam pelbagai bidang yang ada.

Kesimpulan

Kajian ini memperlihatkan aspek kepelbagaian kompleksiti soalan dalam media pengajaran buku teks Bahasa Melayu masih gagal menyediakan minda pelajar ke arah kepelbagaian tahap berfikir malah pemikiran pelajar hanyalah terhad kepada skop pertanyaan yang stereotaip. Input binaan soalan dalam bahan kurikulum tersebut masih memerlukan peningkatan ke arah kandungan kompleksiti soalan yang lebih mencabar minda pelajar serta menjamin kualiti input kurikulum ke tahap yang membanggakan. Kegagalan ini menunjukkan implimentasi kurikulum pendidikan dalam pembelajaran bahasa masih gagal meningkatkan kefahaman minda pelajar untuk menguasai kompleksiti soalan yang pelbagai aras kognitif. Ini dapat dibayangkan dengan dengan pembinaan kognitif pelajar melalui pembelajaran bahasa di bilik darjah masih kurang diberi pendedahan dan persediaan untuk menghadapi pelbagai bentuk pertanyaan. Ini juga bermakna pelaksanaan pendidikan masih belum berjaya memenuhi kehendak objektif kurikulum pendidikan negara untuk mengembangkan dan meningkatkan daya intelek serta pemikiran rasional, kritis dan kreatif kepada para pelajar. Keadaan ini menjelaskan kalangan pendidik perlu lebih komited untuk bertindak melahirkan pelajar yang terbentuk pemikirannya kepada pelbagai aras kognitif.

Justeru, para penggubal dan pelaksana input dalam bahan kurikulum baik di peringkat institusi pendidikan, para pendidik juga pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang ini seharusnya prihatin dan memberi perhatian serius terhadap binaan soalan dengan kepelbagaian kompleksiti kerana ia memberi kesan ke atas keupayaan

berfikir pelajar dan kemantapan kualiti input bahan kurikulum dengan jelas.

Rujukan

- Abd. Rahim Abd. Rashid. 1999. *Kemahiran berfikir merentasi kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Shukor Abdullah & Yunus Muhamad. 1990. Ke arah penghasilan buku teks yang bermutu. *Jurnal Pendidikan*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Persekutuan.
- Abu Bakar Nordin. 1991. *Kurikulum: Perspektif dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Bloom, B.S. 1956. *Taxonomy of educational objectives: Cognitive domain*. New York: Mc Kay.
- Browne, N. & S.MKeeley. 1990. *Asking the right questions. A guide to critical thinking*. New Jersey: Prentice Hall.
- Chinoda, A.M. 1982. An analysis of questions in selected high school Social Studies textbooks used in Zimbabwe. *Dissertation Abstracts International*, 43 (6), 1918-A.
- Cole, R.A. & D.M. Williams 1973. Pupil responses to teacher's question: Cognitive level, length and syntaxm. *Educational Leadership*, 31, 142-145.
- Costa, A.L. 1985. *Development minds: A resource book of teaching thinking*. Preston, V.A. : Association for Supervision and Curriculum Development.
- De La Cruz, L.D. 1971. An analysis of Philiphine Social Studies textbooks. *Dissertation Abstracts International*, 32 (1), 665-A.
- Dillon, J.T. 1981. Duration of response to teacher's questions and statements. *Contemporary Educational Psychology*, 6, 1-11.
- Dillon, J.T. 1982. The multi-disciplinary study of questioning. *Journal of Educational Psychology*, 74 (2), 147-165.
- Fraenkel, R.J. 1986. *Helping students to think and value strategic for teaching Social Studies*. New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Guszak, F.J. 1967. Teacher questioning and reading. *The Reading Teacher*, 21, 227-234.
- Langrehr, J. 1993. *Better questions better thinking, Book 2*. Melbourne: Longman Cheshire
- Long, M.H. & C.J. Sato. 1983. Classroom foreigner talk discourse: Forms and functions of teachers. *Classroom Oriented Research in Second Language Acquisition*, ed. Mass: Newbury House.
- Mahzan Arshad. 1993. *Preferen pelajar tingkatan empat terhadap bahan kesuasasteraan dan hubungannya dengan tahap pemahaman bacaan*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.
- Marohaini Yusoff. 1989. *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd.

- Noor Rohana Mansor. 1996. *Analisis soalan kefahaman dalam buku kerja Bahasa Melayu peringkat menengah atas*. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan: Universiti Malaya.
- Noor Rohana Mansor. 1997. *Analisis soalan kefahaman kertas ujian Bahasa Melayu tahun enam sekolah rendah di negeri Terengganu: Hala tuju UPSR*. Kertas Kerja Wacana Pendidikan Ke-4, Maktab Perguruan Pasir Panjang: Kuala Terengganu.
- Nor Azuwan Yaakob. 2000. Analisis kualiti buku teks Bahasa Melayu KBSM. *Dewan Bahasa* 44:7 Julai, 777-796.
- Rawadieh, S.M. 1998. An analysis of the cognitive levels of questions in Jordanian secondary Social Studies textbooks according to Bloom's taxonomy. *Dissertations Abstracts International*, 59 (4), 1060-A.
- Roger, R.J. 1973. An analysis of instructional questions in Social Studies textbooks prepared for use in grades four, five and six. *Dissertation Abstracts International*, 34 (4), 1776A-1777A.
- Saedah Siraj. 1990. *An analysis of gender stereotyping in Malay Language elementary reading textbooks: Implication for Malaysian education*. Doctoral Dissertation. University of Pittsburgh.
- Sanders, N.M. 1966. *Classroom question: What kinds?* New York: Harper and Row.
- Schmidt, J. 1972. An assessment of the cognitive content of questions contained in selected high school Physics textbooks. *Dissertation Abstracts International*, 32(1), 677A-678A.
- Smith, C.T. 1978. Evaluating answers to comprehension questions. *The Reading Teacher*, 31, 896-900.
- Wadleigh, C.B. 1970. Question in American History textbooks as contributors to development of thinking skills. *Dissertation Abstracts International*, 30 (8), 3206-A.